



IMRAN HO (dua dari kiri) dan Eng Leong (dua dari kanan) pada majlis menandatangani memorandum perjanjian di Bangunan Canselor, UKM, Bangi, Selangor baru-baru ini.



MASKOT nyamuk mengiringi peserta ketika program siri perintis dilaksanakan sekitar Selangor baru-baru ini.

UKM dan BASF banteras denggi

SYARIKAT kimia terkemuka dunia, BASF telah mengumumkan kerjasama strategik bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam usaha memerangi wabak denggi di Malaysia.

Ini dilaksanakan menerusi program Banteras Aedes Bersama BASF.

Satu Memorandum Perjanjian (MoA) telah ditandatangani bertempat di Bangunan Canselor, UKM Bangi, oleh Timbalan Naib Canselor UKM, Prof. Dato Dr. Imran Ho Abdullah dan Pengarah Urusan BASF (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Ketua Bahagian Perniagaan Malaysia-Singapura, Goh Eng Leong.

Ini menjadi titik permulaan bagi kedua-dua organisasi itu untuk menyalurkan komitmen mereka dalam meningkatkan kesedaran orang ramai di samping menggalakkan langkah positif untuk mencegah denggi.

Melalui gabungan kepakaran masing-masing, BASF dan UKM bersama-sama menghasilkan bahan pendidikan awam yang memberi maklumat mengenai amalan pencegahan yang disarankan.

Ini termasuklah penggunaan larvisid yang sewajarnya untuk menghapuskan kawasan pembiakan nyamuk Aedes.

Selain itu, aktiviti jelajah di kawasan risiko denggi di sekitar Selangor bakal dianjurkan untuk berkongsi langkah-langkah pencegahan denggi yang berkesan dengan orang ramai.

Menurut statistik negara, usaha berterusan untuk memerangi denggi telah berjaya mengurangkan kes denggi.

Namun, Kementerian



BASF dan UKM melakukan kerjasama dalam memerangi denggi di Malaysia.

Kesihatan melaporkan sebanyak 80,615 kes denggi dengan 147 kematian pada tahun 2018.

Dalam tempoh tiga minggu pertama pada Januari 2019, lebih 3,000 kes demam denggi dan 16 kematian direkodkan.

Positif

Kata Imran Ho, UKM gembira dapat bekerjasama dengan BASF untuk menyokong usaha negara ke arah menangani denggi.

"Kami percaya bahawa program ini akan memberikan hasil positif menerusi usaha kami untuk melibatkan lebih banyak kawasan risiko denggi dan berinteraksi terus dengan orang ramai lantas menekankan kepentingan usaha bersama dalam memerangi denggi.

"Kami juga berharap dapat berganding bahu dengan pihak berkepentingan lain termasuk pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan untuk menangani masalah kesihatan ini," jelasnya.

Sementara itu, Eng Leong berkata, pihaknya berbesar hati dapat bekerjasama dengan UKM

untuk merealisasikan komitmen menyumbang kepada kesihatan awam melalui program denggi ini.

Ujarnya, BASF yakin program itu menunjukkan keberkesanan usaha bersama dalam mencegah kawasan pembiakan nyamuk sekali gus mengurangkan insiden penyakit denggi di negara ini.

"Sebelum majlis rasmi tandatangan MoA itu berlangsung, sebuah siri projek perintis di sekitar Selangor telah dijalankan oleh pelajar Biomedik UKM.

"Projek pertama telah dijalankan di Presint 9, Putrajaya, diikuti oleh Pangsapuri Damansara Damai, Kepong dan Pangsapuri Fasa 6 Bandar Tasik Kesuma, Semenyih.

"Hasil daripada maklum balas positif inisiatif ini, maka lahirah program Banteras Aedes Bersama BASF," jelasnya.

Jelajah program yang pertama akan berlangsung pada bulan ini dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), manakala dua lagi aktiviti pada separuh kedua tahun ini sekitar Lembah Klang.